

**INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

**Kod** : 1103/1  
**Markah** : 130  
**Masa** : 2 jam 15 minit

**REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Mempunyai dua bahagian:

Bahagian A : Penulisan berdasarkan bahan rangsangan – 30 markah.  
Kepanjangan : 200 – 250 patah perkataan.

Bahagian B : Penulisan satu daripada lima tajuk pilihan – 100 markah.  
Kepanjangan : Melebihi 350 patah perkataan.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Prestasi calon bagi kertas Bahasa Melayu 1 peperiksaan SPM 2013 untuk Bahagian A menunjukkan sebahagian besar berada pada peringkat memuaskan. Peringkat kedua ialah berada pada peringkat kepujian dan ikuti jawapan pada peringkat kurang memuaskan. Sementara itu, calon pada peringkat cemerlang melebihi calon yang berada pada peringkat pencapaian minimum.

Pada keseluruhannya calon memahami tugas soal dengan tepat, iaitu kepentingan memelihara dan memulihara bangunan bersejarah dan dapat menghuraikan idea dengan jelas. Bagi jawapan calon yang cemerlang kematangan dalam menyampaikan idea terserlah. Jawapan calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea dengan baik dan berkesan. Mereka juga gagal menepati kehendak dan tugas soal berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan. Sebilangan calon tidak memanfaatkan ketiga-tiga idea yang diberikan. Malah, segelintir calon pula gagal menghuraikan tugas iaitu, kepentingan memelihara dan memulihara bangunan bersejarah kerana penguasaan bahasa yang lemah.

Soalan Karangan Bahagian B pula, sebahagian besar calon berada pada peringkat kepujian, diikuti dengan peringkat baik, peringkat memuaskan dan kurang memuaskan. Sementara itu, bilangan calon yang mendapat markah cemerlang masih sedikit. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang berada pada peringkat pencapaian minimum.

Sebahagian besar calon dapat menjawab tugas dengan baik, menyampaikan, menghuraikan dan mengolah idea dengan jelas. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan. Calon dapat mengemukakan contoh yang relevan dan dihuraikan dengan jelas. Calon juga dapat menggunakan bahasa yang gramatis dari segi kata dan ayat disertai dengan ungkapan yang menarik. Hal ini menunjukkan calon mempunyai pengetahuan yang luas berhubung dengan tugas soal.

## **PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

### **KUMPULAN TINGGI**

#### **BAHAGIAN A**

Calon dalam kumpulan cemerlang berjaya menjawab tugas dengan tepat iaitu menyatakan kepentingan memelihara dan memulihara bangunan bersejarah. Calon juga dapat menghuraikan ketiga-tiga idea dengan jelas iaitu sumber maklumat sejarah, tarikan pelancong dan mengekalkan keunikan seni bina dan mengemukakan contoh yang sesuai dengan tugas.

Selain itu, calon menulis dengan menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat serta menyelitkan ungkapan yang menarik. Seterusnya, calon mengolah idea dengan berkesan dan setiap perenggan mempunyai penanda wacana yang sesuai.

#### **BAHAGIAN B**

Calon dalam kumpulan cemerlang berjaya menjawab tugas dengan tepat dan menghuraikan idea dengan jelas dan matang beserta Di samping itu, calon dapat mengemukakan contoh-contoh yang sesuai mengikut tugas. Sebagai contoh, bagi soalan 1 calon dapat menjelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membentuk akhlak yang terpuji dalam diri seseorang.

Calon juga dapat menghuraikan idea-idea dengan jelas menggunakan bahasa yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat serta menyelitkan ungkapan-ungkapan yang menarik. Bagi soalan yang berformat iaitu Soalan 2, calon dapat menulis menggunakan format rencana dan laras rencana dengan betul.

### **KUMPULAN SEDERHANA**

#### **BAHAGIAN A**

Jawapan calon dalam kumpulan ini masih menepati tugas bahan rangsangan. Idea masih relevan dengan tugas bahan rangsangan dan huraian masih jelas. Namun, terdapat jawapan calon dalam kumpulan ini yang kurang menepati kehendak tugas. Sebagai contoh, calon menghuraikan idea yang diberi tanpa mengaitkannya dengan contoh bangunan yang dikemukakan dalam soalan.

Penguasaan bahasa calon masih baik, gramatis dari segi kata dan ayat. Jawapan calon masih menggunakan tanda baca dengan betul dan tepat. Penggunaan ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat beberapa kesalahan ejaan yang minimum. Calon menggunakan kosa kata yang tidak luas tetapi wacananya masih lengkap dan unsur bahasanya masih bervariasi.

Terdapat juga jawapan calon yang memulakan karangan tanpa pendahuluan. Maksudnya memulakan karangan dengan idea yang pertama.

## **BAHAGIAN B**

Secara keseluruhan calon menjawab tugas dengan baik. Calon juga boleh mengemukakan sekurang-kurangnya tiga idea. Terdapat calon yang menghuraikan idea yang kurang jelas atau calon memberikan contoh-contoh yang kurang relevan. Sebagai contoh, Soalan 5, jawapan calon lebih banyak menekankan jasa-jasa guru sedangkan tugas yang diperlukan ialah calon perlu menulis cerita yang bertemakan penghargaan terhadap jasa guru. Jawapan calon juga tidak menunjukkan kematangan fikiran ketika menghuraikan isi karangan. Penguasaan bahasa calon pada peringkat ini masih gramatis.

Calon menggunakan struktur ayat yang gramatis. Walau bagaimanapun, calon masih melakukan kesalahan tatabahasa yang ringan dan minimum. Antara contoh kesalahan yang ketara ialah kesalahan kata majmuk seperti Antara kebaikan-kebaikan, Antara usaha-usaha dan lain-lain.

Seterusnya, pengolahan karangan calon juga masih menarik. Sungguhpun begitu, terdapat juga pemerenggan karangan yang tidak seimbang. Hal ini demikian kerana calon tidak dapat menghuraikan sesuatu idea secara seimbang atau tidak dapat mengemukakan contoh bagi sesetengah idea.

## **KUMPULAN RENDAH**

### **BAHAGIAN A**

Calon dalam kumpulan ini masih atau kurang memahami tugas. Huraian yang dikemukakan kurang atau tidak jelas. Calon juga gagal menguasai kemahiran menulis. Kegagalan ini menyebabkan idea tidak dapat dihuraikan dengan jelas dan tidak tersusun. Masih banyak calon yang menulis karangan kurang daripada 200 patah perkataan malah terdapat calon yang hanya menyalin soalan.

Kebanyakan jawapan calon dalam kumpulan ini menggunakan bahasa yang tidak gramatis. Jawapan calon juga terpengaruh oleh gaya bahasa lisan. Penggunaan ayat terlalu panjang menyebabkan karangan sukar difahami. Di samping itu, terdapat ayat-ayat tergantung. Calon juga lemah dalam penggunaan imbuhan dan pemilihan kata yang tepat di samping kosa kata yang terhad.

### **BAHAGIAN B**

Secara keseluruhannya, jawapan calon tidak bermutu. Calon tidak mempunyai kemahiran menulis. Hal ini disebabkan calon kurang mempunyai pengetahuan tentang isu yang dikemukakan dalam soalan serta tidak memahami kehendak soalan menyebabkan mereka gagal memberikan idea yang sesuai.


Penguasaan bahasa calon tidak memuaskan atau lemah. Terdapat juga calon yang menghuraikan idea dengan menggunakan bahasa lisan dan struktur ayat yang mudah. Calon banyak melakukan kesalahan bahasa seperti tanda baca, imbuhan dan penggunaan kosa kata yang tidak tepat. Terdapat jawapan calon yang tidak difahami kerana struktur ayatnya tidak jelas dan mengemukakan idea yang tidak berkaitan. Penguasaan kosa kata calon amat lemah. Calon juga terpengaruh oleh penggunaan bahasa ibunda masing-masing. Pengolahan jawapan calon amat lemah sehingga sukar untuk mengesan idea yang dikemukakan. Sesetengah calon menulis karangan tanpa perenggan. Calon tidak menggunakan penanda wacana yang sesuai. Sebilangan kecil calon hanya menyalin soalan.

## PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Lihat gambar di bawah dengan teliti.

### Kepentingan Memelihara dan Memulihara Bangunan Bersejarah



Huraikan pendapat anda tentang kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Bangunan Sultan Abdul Samad, Kota A' Famosa dan Masjid Ubudiah merupakan antara contoh bangunan bersejarah di Malaysia. Bangunan-bangunan bersejarah ini memainkan peranan yang cukup penting dan signifikan dalam kehidupan kita dan pembangunan <sup>negara</sup>. Hal ini dapat dibuktikan apabila pelbagai usaha telah dilakukan oleh badan kerajaan mahupun bukan kerajaan (NGO) untuk memelihara dan memulihara bandar dan bangunan-bangunan bersejarah. Sebagai contoh, negeri Melaka telah diwartakan sebagai bandar warisan UNESCO beberapa tahun yang lalu. Oleh hal yang demikian, adalah wajar untuk kita mengenal pasti kebaikan-kebaikan yang diperolehi apabila bangunan-bangunan bersejarah di tanah air yang tercinta ini dipelihara.

Calon menjawab tugas dengan tepat. Calon dapat menghuraikan kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah di negara kita. Kepentingan tersebut berdasarkan tiga gambar bahan rangsangan yang diberikan dalam soalan, iaitu sebagai sumber maklumat sejarah, tarikan pelancong dan bagi mengekalkan keunikan seni bina. Ketiga-tiga idea tersebut dapat dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.

Pertama sekali, bangunan bersejarah boleh dijadikan sebagai sumber maklumat dan rujukan sejarah. Bangunan-bangunan tersebut banyak memberikan manfaat kepada orang awam secara amnya dan kepada para pelajar serta generasi muda secara khususnya. Hal ini dikatakan demikian kerana para pelajar boleh mengetahui secara lebih mendalam dan menjalankan kajian di tempat-tempat yang mempunyai bangunan bersejarah. Menurut sebuah kajian yang telah dilakukan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, murid-murid akan lebih mengingati dan mudah menguasai ilmu yang dipelajari sekiranya mereka dapat melihat sesuatu secara 3-D di depan mata mereka. Misalnya, pelajar boleh mengadakan lawatan sambil belajar ke tapak-tapak tersebut supaya ~~pemb~~ pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah dapat dijalankan dengan lebih efektif. Pada masa yang sama, generasi muda ini sudah pasti akan mempunyai perasaan cinta akan tanah air dan warisan khazanah negara tersebut setelah lebih mengenalinya, bak kata peribahasa "tak kenal maka tak cinta". Pendek kata, pelbagai usaha wajar diteruskan untuk memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah tersebut atas sebab peranannya sebagai sumber maklumat sejarah.

Calon menulis dengan menggunakan pelbagai ayat yang gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat di samping unsur bahasa yang bervariasi.

Selain itu, kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah di negara kita ~~adalah~~ adalah untuk tujuan tarikan pelancong datang ke negara kita. Negara kita sememangnya terkenal dalam bidang pelancongan malahan negara kita antara destinasi pelancongan yang terkemuka di dunia. Salah satu tarikan ~~ke~~ utama pelancong ke negara kita ialah sejarah negara kita. Antara pelancong yang datang ialah pelancong dari bekas negara penjajah yang ingin melihat sendiri tinggalan mereka moyang mereka. Di samping itu juga, tidak kurang juga pelancong tempatan yang datang untuk melihat sendiri peninggalan sejarah di negara kita. ~~Tanpa~~ Tanpa bangunan dan ~~tempat~~ tempat bersejarah ini, mungkin jumlah pelancong yang datang mungkin tidak ramai dan mungkin juga negara kita bukan salah satu destinasi pelancongan yang utama. Justeru, bangunan-bangunan bersejarah di ~~negara~~ negara kita harus dipelihara.

Calon melakukan kesilapan dengan menghuraikan kepentingan memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah tanpa mengaitkan dengan contoh yang relevan.

Dunia yang kian maju semakin melalitkan masyarakat untuk memelihara dan memulihara bangunan bersejarah yang terdapat di negara kita. Ramai masyarakat lebih memertingkatkan bangunan yang terdapat di negara asing berbanding negara sendiri kerana mereka menganggap menjaga kepentingan bangunan bersejarah adalah tidak penting dan hanya membazir masa.

Calon masih menjawab tugas berdasarkan bahan rangsangan. Idea calon masih relevan dan huraian idea masih jelas. Walau bagaimanapun calon lebih banyak menghuraikan usaha memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah di negara kita. Terdapat juga calon yang menghuraikan secara umum dan tidak berfokus pada bangunan serta menghuraikan tempat bersejarah bukan bangunan bersejarah.

Selain itu, rakyat Malaysia juga mestilah menarik minat pelancong atau tarikan pelancong agar pelancong-pelancong dapat melawat dan melihat tempat bersejarah. Rakyat Malaysia juga haruslah mengetahui cara supaya pelancong-pelancong lebih ramai melawat tempat bersejarah.

Penggunaan bahasa calon masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata adalah umum dan terdapat kesalahan yang minimum.

Kepentingan memelihara dan memulihara Bangunan Bersejarah ialah sumber maklumat sejarah. Sekolah mengajak sejarah Melaka, Kuala Lumpur, dan Kuala Kangsar pun adalah Bangunan Bersejarah ini. Kalau tidak menjaga Bangunan Bersejarah ini, anak-anak kita akan tidak boleh ternampak Bangunan Bersejarah ini.

Calon masih menjawab tugas bahan ransangan tetapi huraian idea tidak jelas. Terdapat calon yang menjelaskan bahawa keunikan seni bina dapat mengukuhkan bangunan dan keunikan bangunan tersebut juga dikatakan dapat menarik pelancong. Terdapat juga calon yang berpendapat bahawa seluruh rakyat Malaysia wajar mempunyai sikap memelihara dan memulihara bangunan bersejarah.

Malaysia merupakan negara yang unik bukan sahaja itu agama kemajmukan, lokasi dan destinasi ~~kan~~ amat penting terhadap negara ~~kan~~ kita. Kita hendaklah memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah di negara kita.

Calon menggunakan bahasa yang kurang dan tidak gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata adalah terhad dan terdapat kesalahan-kesalahan bahasa yang ketara. Ayat yang betul hanyalah ayat yang diambil daripada tugas soal. Pengolahan yang digunakan juga tidak menarik.

## Bahagian B

### SOALAN 1

**Akhlak yang terpuji amat penting dalam kehidupan.**

**Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membentuk akhlak yang terpuji dalam diri seseorang.**

Bagi membentuk akhlak yang terpuji dalam diri seseorang, ibu bapa memainkan peranan yang amat penting. Sabda Rasulullah SAW, mafhumnya : "Anak-anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang bertanggungjawab mencorakkan mereka sama ada menjadi Yahudi atau Nasrani". Ibu bapa seharusnya mendidik anak-anak dengan didikan agama yang secukupnya kerana konsep agama yang syumul menjadikan penerapan akhlak terpuji dalam diri anak-anak menjadi lebih mudah. Ajaran pelbagai agama tidak kira Islam, Hindu, Buddha mahupun Kristian banyak menekankan konsep akhlak terpuji seperti menghormati orang tua, bercakap benar walaupun pahit dan mengucapkan kata-kata yang manis. Justeru, ibu bapa perlulah menerapkan didikan agama dalam diri anak-anak mereka agar pengamalan akhlak terpuji menjadi darah daging dalam kehidupan seharian mereka.

Calon menjawab tugas soal dengan tepat. Calon menghuraikan usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membentuk akhlak yang terpuji dalam diri seseorang.

Antara idea yang dikemukakan seperti, peranan ibu bapa, peranan pihak sekolah dan peranan masyarakat. Selain itu, peranan individu, kerajaan, media massa, rakan sebaya dan badan bukan kerajaan. Idea dihuraikan dengan jelas, matang dan disertakan dengan contoh yang sesuai.

Pada era pascaperindustrian dan pascaglobalisasi yang menyebarkan akal dan minda kita pada hari ini, masyarakat Malaysia terutamanya semakin memandang enteng akan kepentingan mempunyai akhlak terpuji dalam kehidupan lantaran dibuai sikap materialistik dan ~~invidius~~ individualistik dalam jiwa masyarakat, ~~hati amalan nilai~~ menjadikan akhlak yang terpuji semakin sirna ditelan arus modernisasi. Hakikatnya, pada hari ini, kita kerap kali dipaparkan dengan kepincangan akhlak dan moral yang melanda para remaja terutamanya di dada-dada akhbar tempatan mahupun media massa.

Dikah itu, ibu bapa seyogianya mengambil langkah sederhana untuk ~~monopis~~ segala perkara yang mampu membawa anak-anak ke lubok kemusnahan. Lantaran itu, belum berkilat sudah berkilau, bulan sangkap tiga puluh sememangnya ardiikan agama dan pada kecil merupakan salah satu medium untuk membentuk ~~akk~~ akhlak yang terpuji dalam diri seseorang.

Calon menggunakan pelbagai ayat yang gramatis dalam penulisan. Kosa kata luas, tepat dan unsur bahasa yang bervariasi. Gaya bahasa menarik dari segi keindahan dan calon juga menggunakan ungkapan yang menarik dalam menghuraikan idea.

Pada era pascaperindustrian dan pascaglobalisasi yang menyebarkan akal dan minda kita pada hari ini, masyarakat Malaysia terutamanya semakin memandang enteng akan kepentingan mempunyai akhlak terpuji dalam kehidupan lantaran dibuai sikap materialistik dan ~~invisiter~~ individualistik dalam jiwa masyarakat, ~~nilai-nilai~~ menjadikan akhlak yang terpuji semakin sirna ditelan arus modernisasi. Hakikatnya, pada hari ini, kita kerap kali dipaparkan dengan kepincangan akhlak dan moral yang melanda para remaja terutamanya di dada-dada akhbar tempatan mahupun media massa.

Oleh itu, Ibu bapa seyogianya mengambil langkah sederhana untuk ~~menepis~~ segala perkara yang mampu membawa anak-anak ke lubok kemusnahan. Lantaran itu, belum berkilat sudah berkilau, bulan sangkap tiga puluh sememangnya adikan agama dan pada kecil merupakan salah satu medium untuk membentuk ~~akhlak~~ akhlak yang terpuji dalam diri seseorang.

Calon juga dapat mengolah idea dengan menarik dan berkesan. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea.

Peterusnya, sentiasa berbentul baik dengan masyarakat  
samedia ahli keluarga, sekebat mahupun jiran tetangga.  
Seseorang itu perlulah menghulurkan bantuan sekiranya  
ada orang yang memerlukan pertolongan. Eku keak pesibahan,  
"Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan  
nama". Setiap kebaikan yang dilakukan pasti akan  
dihargai atau diganti.

Calon dapat mengemukakan idea yang masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh yang dinyatakan masih sesuai.

Selain itu, pantauan dari Ibu bapa juga amatlah penting. Ibu bapa seharusnya memantau serta mengawasi pergerakan anak-anak mereka. Ibu bapa juga perlulah meluangkan masa dengan anak-anak kerana anak-anak mungkin beranggapan bahawa ibubapa tidak sayang akan mereka yang menjadi punca mereka terlibat dalam perkara negatif.

Calon menggunakan pelbagai ayat gramatis atau masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum seperti pantauan dari ibu bapa. Pengolahan jawapan calon masih menarik dan pemerenganan masih sesuai.

Antara usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membentuk akhlak yang terpuji dalam diri seseorang ialah dengan saling mengamalkan amal ibadat kepada Allah. Bagi meningkatkan amal ibadat seseorang itu, perlulah tambahkan akhlak dengan saling membantu orang lain, tidak meninggalkan solat dan sentiasa beramal dengan Allah. Seharusnya kita perlu ingat bahawa diri seseorang itu bukanlah sempurna, setiap orang pasti akan melakukan kesilapan. Dengan itu, seharusnya kita perlu kurangi perkara-perkara yang tidak berfaedah, kerana setiap percakapan akan yang kita tujukan pasti ada kesilapan yang akan timbul. Oleh itu, berdiam lebih baik daripada bercakap.

Calon melakukan kesilapan dengan menghuraikan idea yang tidak berfokus pada tugas.

Banyak akhlak-akhlak yang bergantung pada diri kita yang pertama ialah marah diri sendiri dan marah keluarga ataupun saudara-mara marah-marah keluarga dan marah diri sendiri. Kesaga dengan betul kalau tak jaga marah diri ataupun keluarga apa terjadi tidak ada marah keluarga ini dan menyebabkan masyarakat di pandang hina dan tidak secara keluarga yang betul.

Calon mengemukakan idea yang bercampur-aduk, huraian tidak jelas, tidak berkembang dan contoh yang dikemukakan tidak sesuai.

Mistilah banyakan memiuhat perkara yang baik, melakukan perkara yang baik dan juga ada semangat untuk berkelakuan mendetatkan akhlak yang terpuji yang ikhlas kepada yang maha kuasa Allah swi, biarpun payah untuk melakukan akhlak yang baik tetapi senang untuk kita pelajari tentang ilmu pengajaran dan pengetahuan yang normal secara terbukti. Dapatkan ilmu yang banyak bersyukur apa-apa pun terjadi mistikal kuatkan iman dan kesjahteraan hidup harian.

Bagi kategori calon yang lemah dalam penulisan, terdapat beberapa kesalahan bahasa yang ketara telah dilakukan sama ada dari segi morfologi mahupun sintaksis. Bahasa calon lemah, ayat tidak gramatis dan penggunaan kata kurang tepat.

Semasa kita menjaga akhlak yang terpuji kita akan menjadi besar dan bangga. Masa itu, kita tengok masyarakat ataupun masyarakat tengok orang-orang akhlak terpuji secara menghormati menghormati ~~menghormati~~ ~~menghormati~~ ~~bersu~~ menghormati orang-orang yang akhlak terpuji.

Calon tidak dapat mengolah karangan dengan menarik.

## Soalan 2

**Amalan pengambilan makanan segera dan makanan ringan kurang sesuai untuk kesihatan anak-anak yang sedang membesar. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk "Peranan ibu bapa dalam mengawal pengambilan makanan segera dan makanan ringan dalam kalangan anak-anak".**

**Tulis rencana itu selengkapnya.**

Ibu bapa boleh mengawal pengambilan makanan segera dan makanan ringan dalam kalangan anak-anak dengan diet pemakanan berdasarkan sistem piramid makanan. Pakar nutrisi telah mengubah sistem piramid makanan supaya diikuti oleh orang ramai. Sistem piramid makanan haruslah diimplimentasikan oleh ibu bapa sejak akar umbi lagi. Ibu bapa haruslah memberikan anak-anak makanan yang seimbang dan menangkumi kesemua empat kelas makanan iaitu karbohidrat, vitamin, protein dan juga lemak. Komposisi makanan yang seimbang haruslah diberikan kepada anak-anak yang mengalami proses tumbesaran yang kritikal-baik. Oleh itu, dengan mengamalkan diet yang seimbang, anak-anak akan mengekalkan diri daripada pengambilan makanan segera dan makanan ringan seperti KFC, Maggi dan sebagainya.

Calon menjawab tugas soal dengan tepat. Calon berjaya menghuraikan peranan ibu bapa dalam mengawal pengambilan makanan segera dan makanan ringan dalam kalangan anak-anak dengan memberikan contoh yang sesuai. Hal ini menunjukkan calon memahami maksud makanan segera dan makanan ringan. Calon juga menulis karangan dengan menggunakan format rencana yang betul.

Idea dihuraikan dengan jelas, matang dan disertakan dengan contoh yang sesuai. Antara idea yang dikemukakan ialah, ibu bapa perlu mendidik anak-anak supaya sentiasa makan makanan yang berkhasiat. Selain itu, ibu bapa perlu mengelakkan anak-anak daripada berkunjung ke restoran makanan segera dan ibu bapa perlu menyediakan bekalan makanan kepada anak-anak untuk dibawa ke sekolah. Di samping itu, ibu bapa perlu memantau semua program dan rancangan yang ditonton oleh anak-anak di kaca televisyen. Berikutnya, ibu bapa perlu membawa anak-anak mengunjungi pameran-pameran kesihatan yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mahu pun badan bukan kerajaan.

Penykitan masalah obesiti di Malaysia telah disejajarkan dengan negara-negara maju yang lain seperti Amerika Syarikat. Menurut kajian Universiti John Hopkins, umur kanak-kanak yang baligh semakin menurun iaitu sehingga 9 tahun pada tahun 2012 berbanding usia 10 tahun pada tahun 2012. Senario ini membuktikan bahawa obesiti yang berpunca daripada pengambilan makanan segera dan makanan ringan merangsang hormon dalam tubuh yang mempercepat akit/ bahay kanak-kanak. Hal ini dapat ditunjukkan sebagai kedewasaan biologi sebelum tiba waktunya.

Calon menulis dengan menggunakan pelbagai ayat yang gramatis, kosa kata yang luas dan tepat. Calon dapat menggunakan unsur bahasa yang bervariasi serta menggunakan ungkapan menarik.

Ibu bapa sewajarnya tahu bahawa apa didikan mereka memberi pengaruh yang amat besar dalam diri anak-anak. Jika sejak kecil, anak-anak sudah dibiasakan dengan membeikan mereka makanan ringan dan makanan segera, maka jangkalah menyegal di kemudian hari apabila anak-anak diserang penyakit keraha nasi sudah menjadi bubur. Anak-anak perlu dididik untuk sentiasa makan makanan yang dijamin khasiatnya supaya mereka tidak terdedah kepada risiko penyakit berbahaya seperti obesiti.

Tuntasnya, peranan ibubapa dalam mengawal pengambilan makanan segera dan makanan ringan dalam kalangan anak-anak amat besar. Ibu bapa perlu sentiasa peka dengan diri anak-anak mereka dan sentiasa mengambil berat akan kesihatan diri anak-anak mereka. Dengan cara ini, generasi yang bakal memegang tampuk pemerintahan negara pada masa hadapan akan terus gagah dan sentiasa segar serta bersemangat dan bebas daripada dibelenggu penyakit-penyakit berbahaya yang boleh memusnahkan diri mereka sendiri.

Calon dapat mengolah idea dengan menarik dan berkesan.

Sekininya, ibu bapa juga perlu mengebaskan duit paket anak-anak  
~~segera~~ ke sekolah. Hal ini bertujuan agar dapat mengelakkan anak-anak  
 daripada menghabiskan duit dengan membeli makanan segera yang  
 tidak ~~m~~ mendatangkan kenikmatan. sebagai contoh, keropok <sup>dan keropok Moni</sup> super ring, k.  
 yang menjadi ~~te~~ kegemaran anak-anak zaman sekarang. Namun, kandungan  
 bahan bahan kandungan dalam keropok tersebut amatlah tidak  
 bersesuaian dengan anak-anak yang masih muda.

Calon dapat menulis dengan menggunakan wacana yang lengkap dan terdapat kesinambungan idea.

Selain itu, ibu bapa perlu mengelakkan daripada berkunjung ke ~~res~~ mana-mana  
 restoran makanan segera apabila keluar bersiar-siar. Ibu bapa perlu bertegas dengan  
 anak-anak kerana hal ini adalah untuk kebajikan mereka juga. Namun begitu,  
 fenomena pada masa kini dapat dilihat bahawa ibu bapa mudah termakan ~~akar~~  
~~pe~~ pujuk rayu dan rengekan anak-anak mereka yang meminta dibelikan makanan  
 segera seperti burger ~~ete~~ dan ayam goreng. Perkara ini tidak wajar dibiarkan  
 begitu sahaja kerana akan memberi kesan yang buruk kepada kesihatan anak-  
 anak. Ibu bapa boleh menangani masalah ini dengan cara membawa bekalah daripada  
 rumah atau singgah di restoran-restoran yang ~~menyediakan~~ dapat menyediakan  
 makanan yang berkhasiat berbanding berkunjung ke restoran makanan segera.

Calon masih memahami kehendak tugas tetapi tidak menghuraikan idea dengan jelas.

Selain itu, ibubapa juga perlu memastikan anak-anak mereka dalam keadaan yang baik. Ibu bapa hanya membenarkan anak-anak makan makanan ringan dalam kuantiti yang sedikit sahaja supaya tidak menjejaskan kesihatan mereka. Sebaliknya mengambil makanan yang seimbang. Seterusnya, ibu bapa amat digalakan agar membina jadual harian anak-anak mereka. Sediakan payung sebelum hujan, itulah pepatah yang sering kita dengar <sup>yang membi</sup> dari bibir ke bibir masyarakat majmuk yang <sup>bermaksud</sup> ~~bererti~~ melakukan sesuatu sebelum ada sesuatu yang berlaku. Hal ini kerana untuk mengelakkan anak-anak mendapat penyakit obesiti dan penyakit jantung.

Calon masih dapat menggunakan bahasa yang gramatis tetapi terdapat kesalahan-kesalahan yang minimum.

Di samping itu, ibu bapa haruslah menasihati anak-anak mereka agar mengurangkan pengambilan makanan segera dan makanan ringan bagi menjaga kesihatan anak-anak mereka. ini kerana ~~matan~~ <sup>matan</sup> segera dan makanan ringan boleh merosakkan gigi anak-anak mereka yang sedang membesar. Selain itu, Ibu bapa juga haruslah ~~tidak~~ <sup>tidak</sup> membezir untuk membeli makanan yang ~~kota~~ <sup>kota</sup> ~~barang~~ <sup>barang</sup> ~~tidak~~ <sup>tidak</sup> ~~ber~~ <sup>memberi</sup> masalah kesihatan pada anak-anak mereka yang ~~supa~~ <sup>supa</sup> makan makanan yang ~~segera~~ <sup>segera</sup> segera dan makanan ringan.

Kelemahan calon ialah menggabungkan dua isi dalam satu perenggan menyebabkan isi tidak dihuraikan dengan jelas.

Sebagai makanan segera dan makanan ringan sangat penting kepada badan manusia. Masa kini, banyak mereka menghadapi masalah kesihatan sebagai sakit perut, makanan racun andan menghadapi masalah angin perut. Begitu juga sebagai ibu bapa mengawal pengambilan makanan sebagai yang jenis makan lemak iaitu Ayam, Nasi Lemak, mengambil makanan pedas, Maggi, makanan miyak dan sebagainya. Semasa antara kalangan anak-anak banyak mengikuti makan makanan yang tak sehat untuk badan.

Calon tidak dapat menghuraikan idea dengan jelas dan tidak disertakan dengan contoh yang sesuai.

Selain itu, banyak kalangan mereka menghadapi masalah berat badan dan masalah kesihatan, kita boleh mengkurangkan masalah seperti yang ini. Sebagai kalangan mereka jarang mengadakan aktiviti-aktiviti senaman dan laihan, perkara ini sangat penting kepada anak-anak. Sejenis aktiviti-aktiviti ini boleh menyebabkan kehelangian sakit badan andan menjaga berat badan. Setiap ibu bapa memperanankan kepada anak-anak setiap pagi mengambil sarapan dengan mengikut masa yang tetap. Sarapan pagi sangat penting kepada manusia. Selain juga kita mesti mengikut jadual makanan setiap hari.

Bagi kategori jawapan calon yang lemah dalam penulisan, terdapat beberapa kesalahan bahasa yang ketara telah dilakukan sama ada dari segi morfologi mahupun sintaksis.

Kita boleh menghadapi kelonggaran anak-anak sekolah menghadapi masalah keracunan makanan dan sakit perut. Sebagai masalah ini, ibu bapa mengambil peranan kepada anak-anak seperti: membagi makanan yang baik dan kita mestilah merujuk tarikh ~~makanan~~ luput sebelum makan. Selain itu, kita perlu memperanankan tempat menjual makan dan minuman. Sebagai kesihatan badan mengambil peranan membeli barang makanan tempat yang bersih dan tiada apa-apa ~~kelebihan~~. Pekerja ini boleh mengelak masalah kesihatan badan.

Calon tidak dapat mengolah idea karangan dengan menarik.

Oleh itu, Sebagai ibu bapa mengikut peraturan-peraturan membagi makanan kepada anak-anak. Kebaikan yang ini boleh menyebabkan kehidupan yang segera dan boleh menjaga badan dengan baik. Sebagai anak-anak mestilah mengikut peraturan-peraturan yang membagi oleh ibu bapa untuk mengelakkan masalah kesihatan.

Calon tidak dapat menulis kesimpulan yang menarik.

### Soalan 3

**Malaysia berhasrat untuk melahirkan rakyat berminda kelas pertama, iaitu rakyat yang berilmu, bersahsiah terpuji dan mempunyai daya saing yang tinggi. Huraikan kebaikan-kebaikan yang diperolehi jika negara kita mempunyai rakyat berminda kelas pertama.**

Selain itu, jika negara kita mempunyai rakyat berminda
kelas pertama, negara pasti dapat melahirkan generasi-generasi
yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Generasi-generasi sebegini
pasti mempunyai sifat daya saing yang tinggi di kalangan
mereka. Jeterusnya, generasi-generasi ini pasti mampu mengangkat
negara ke tempat yang lebih tinggi. Sudah tentu, generasi-generasi
ini juga bakal menjalani kehidupan yang lebih cerah dengan
adanya sikap positif dalam diri. Generasi ini juga bakal mendapat
pekerjaan yang hebat kerana usaha mereka sendiri untuk
merealisasikan aspirasi negara. Biar pun generasi ini menghadapi
pelbagai ujian dan rintangan untuk menjadi rakyat yang berminda
kelas pertama, mereka tentu akan mendapat hasil yang setimpai
dengan usaha mereka sendiri. 'Bersusah-susah dahulu, bersenang-
senang kemudian' amat bertepatan dengan situasi ini. Aspirasi
negara untuk menelapai rakyat berminda kelas pertama yang
mempunyai generasi-generasi cemerlang, gemilang dan
terbilang pasti tercapai.

Calon menjawab tugas dengan tepat. Calon dapat menghuraikan kebaikan-kebaikan yang diperolehi jika negara kita mempunyai rakyat berminda kelas pertama. Idea dihuraikan dengan jelas dan matang serta contoh yang sesuai.

Antara idea yang dikemukakan seperti melahirkan generasi cerdik pandai yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa, mengurangkan gejala sosial, serta melahirkan generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Selain itu, negara juga akan maju, bebas daripada permusuhan dan persengketaan, kerajaan tidak perlu menggunakan tenaga pakar dari luar negara dan projek pembangunan yang dijalankan akan siap lebih awal. Seterusnya, sistem pendidikan akan menjadi mudah dan dapat meningkatkan imej negara.

Aspirasi negara adalah untuk melahirkan rakyat berminda kelas pertama di mata dunia. Malaysia mempunyai hasrat untuk melahirkan masyarakat berminda kelas pertama iaitu rakyat yang berilmu, berhasrat terpuji serta mempunyai semangat daya saing yang tinggi. Pelbagai inisiatif negara untuk membentuk rakyat yang berminda kelas pertama. Dari semasa ke semasa, sedikit sebanyak aspirasi negara ini dapat dicapai meskipun belum mencapai pencapaian yang menyeluruh di dalam negara.

Calon dapat menggunakan bahasa yang gramatis dengan menggunakan kosa kata yang luas dan tepat. Unsur bahasa bervariasi dan gaya bahasa yang menarik.

Kebaikan yang bakal diperolehi melalui rakyat berminda kelas pertama ialah negara tidak ketinggalan dalam memiliki kemajuan teknologi dalam pelbagai bidang. Hal ini kerana, masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas sebenarnya telah mengumbang idea dalam kemajuan ekonomi dan sosial Malaysia berupaya mencipta pelbagai teknologi untuk memudahkan aktiviti seharian. Sehubungan itu, rakyat Malaysia telah mampu mengikut perkembangan teknologi setanding dengan negara yang berstatus maju.

Calon masih menjawab tugas. Idea yang dikemukakan masih relevan dan huraian isi masih jelas serta contoh yang diberikan masih sesuai.

Sehubungan dengan itu, kadar kes yang melibatkan kes jenayah berat semakin berturangan kerana ~~sete~~ ~~sete~~ selepas mereka ditangkap mereka akan dipulihkan athlat dan diajar dengan pelbagai ilmu pengetahuan di dalam penjara. Kesannya, selepas mereka keluar daripada penjara mereka mempunyai kebebasan dalam suatu bidang dan tidak mengulang semula kesalahan mereka yang mereka lakukan. Oleh itu, kita perlulah belajar di ~~mana~~ mana jua untuk memperoleh kesenangan ~~dan~~ dan di dunia dan di akhirat

Calon menggunakan bahasa yang masih gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai jenis ayat tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Penggunaan unsur bahasa juga masih bervariasi, kosa kata umum dan gaya bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa.

Negara kita, Malaysia telah berhasrat untuk melahirkan berminda kelas pertama. Rakyat berminda kelas pertama merupakan rakyat yang berilmu, berhasrat berpuji dan mempunyai daya saing yang tinggi. Pada masa kini, bukan sahaja negara kita berhasrat untuk melahirkan rakyat itu, banyak negara juga berusaha untuk mempunyai rakyat berminda kelas pertama untuk mendapatkan kebaikan-kebaikan yang diperolehi.

Calon kurang menjawab tugas. Idea yang dikemukakan bercampur aduk, dengan huraian yang tidak jelas serta memberikan contoh yang tidak sesuai.

masyarakat  
Negara Malaysia kini berusahakeras untuk menjadikan berminda kelas pertamais antara  
usaha tersebut ialah cara pendidikan cara ~~perguruan~~ <sup>kemahiran</sup>, kini Malaysia adakan persekolahan  
bagi setiap individu dari umur kecilnya dan sampai umur dewasa antara faedah yang  
dapat pada seorang individu tersebut ialah dapat mempertingkat ilmu, bersahciah terpuji  
dan ta juga dapat daya Saing yang tinggi, kebaikan untuk negara pula ia dapat meningkatkan  
negara Malaysia yang akan lebih maju ke hadapan.

Pengan mempunyai rakyat yang berminda kelas pertama, itu  
dapat memelihara dan memulihara nama negara kita. Nama  
negara kita akan dipertingkatkan dan akan menjadi model  
negara lain. Negara lain juga akan bekerjasama bersama  
negara kita. Oleh sebabnya, kita boleh mengeratkan  
hubungan negara kita dan luar negara. Itu boleh  
membantu kita mendapatkan pertolongan daripada luar  
negara jika kita mengalami masalah

Keseluruhannya menunjukkan calon menggunakan kata dan ayat yang tidak gramatis. Keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan pengolahan tidak menarik.

Selain itu, sesebuah negara menjadi aman damai dengan adanya masyarakat yang berpendidikan tinggi. Walaubagaimana pun, negara menjadi ~~aman~~ <sup>aman</sup> damai disebabkan masyarakat yang berilmu dan dapat membezakan ~~baik dan buruk~~ <sup>yang mana baik yang mana ~~buruk~~ buruk</sup>. Seperti, memberi keutamaan kepada warga tua untuk duduk di dalam pengangkutan awam. Meskipun begitu, kita ~~hendaklah~~ hendaklah bertolak-angsur kepada rakyat yang kurang pendidikan.

Kelemahan calon ialah calon tidak dapat menjawab soalan kerana tidak memahami maksud kebaikan-kebaikan Malaysia mempunyai rakyat berminda kelas pertama.

Disamping itu, ~~ata~~ sektor pelancongan semakin meningkat kerana golongan minda kelas pertama ini dapat membantu negara Malaysia mencantikkan dan menghidupkan suasana di Malaysia yang sangat unit.

- Antara sekolah yang melahirkan golongan minda kelas pertama di Malaysia ini ialah SMK Sheikh Abdul Malik dan SMK Tengku Bariyah.

Calon tidak dapat menulis dengan ayat yang gramatis. Terdapat banyak kesalahan imbuhan yang dilakukan oleh calon.

#### SOALAN 4

**Penganjuran sukan bertaraf antarabangsa membawa pelbagai kebaikan kepada negara penganjur.**

**Bincangkan.**

Disamping itu, kebaikan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kepada negara penganjur ialah dapat ~~meningkatkan~~ ~~perpaduan~~ memupuk perpaduan dalam kalangan peserta. Selain berasingan secara sukai, para peserta akan dapat ~~me~~ berkecuali sesama sendiri semasa sukan. Perpaduan yang terjalin akan dapat ~~meningkatkan~~ Perpaduan yang terjalin akan dapat meningkatkan hubungan antara negara yang menganjur dan negara yang menyertai. Sebagai contoh, hubungan negara Jepun dan negara Malaysia dapat dijalin kerana perpaduan yang wujud dalam kalangan peserta. Para peserta akan dapat bertukar-tukar pendapat dan pengetahuan serta sejevak yang ada di negara mereka. Hal ini akan menyebabkan pelbagai pengetahuan dan informasi yang dapat diperolehi. Baik itu pendapat, jaya perjalanan, luas pengetahuan. maka, jelaslah bahawa kebaikan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kepada negara penganjur ialah dapat memupuk perpaduan dalam kalangan peserta.

Seterusnya, pengajuran sukai bertaraf antarabangsa dapat mempromosikan negara kepada dunia luar. Sukai merupakan salah satu lokasi yang efektif untuk memperkenalkan negara penganjur kepada masyarakat dunia. Sebagai contoh, negara India yang hanya G20 yang hanya diketahui kerana kekayaan sumber petrolnya telah berjaya mengotak persepsi warga dunia. Setelah mengajurkan Sukai Asia 2006 di Hong Kong, negara tersebut kini dikenali kerana prestasinya yang cemerlang kefta menjadi negara rumah. ~~Negara~~ Sebuah negara kecil di <sup>atas</sup> dalam peta atlas mampu mengajurkan namanya seperti Malaysia melalui pengajuran Sukai formula one di Ulu Sepang. Kemampuan Malaysia mengajurkan sukai bertaraf antarabangsa telah melebarkan namanya di setiap ceruk dunia terutama peminat sukai kereta lumba lni. Jangan disangka negara yang kecil itu tidak mampu menandingi negara-negara besar di dunia kerana kecil-kecil cili padi. Maka, jelas pengajuran sukai bertaraf antarabangsa dapat mempromosikan negara kepada dunia luar.

Keseluruhan jawapan calon dalam kategori ini dapat menjawab tugas dengan tepat dan relevan. Calon berjaya menyatakan pelbagai kebaikan yang diperoleh melalui penganjur sukai bertaraf antarabangsa. Idea dapat diuraikan dengan jelas dan matang serta dapat dikaitkan dengan kebaikan kepada negara penganjur. Contoh yang diberikan tepat dan sesuai.

Antara idea yang dikemukakan ialah, dapat menaikkan mutu sukai negara terbabit, mampu menjana ekonomi negara penganjur, dan mengukuhkan hubungan baik negara penganjur dengan negara-negara lain. Selain itu, mampu mempromosikan negara penganjur kepada masyarakat dunia serta memupuk perpaduan dalam kalangan peserta yang mengambil bahagian.

Di samping itu, ukhuwah silaturahmi di antara negara penganjur sukran antarabangsa dengan negara peserta dapat dieratkan dengan utuh melalui penganjuran sukran antarabangsa. Sebelum sesebuah negara itu diputuskan untuk menggalas amanah untuk sebagai negara penganjur, pemimpin-pemimpin dari seluruh dunia akan berhimpun bagi memutuskan negara yang paling layak untuk menganjurkan sukran tersebut. Mereka berdiplomasi serta bertoleransi untuk mencapai kata sepakat. Hal ini sudah cukup untuk membuktikan bulat air kerana pembetung, bulet manusia kerana muafakat. Sikap mahmudah yang diceminkan pemimpin-pemimpin ini cukup untuk mengeratkan hubungan negara penganjur dengan negara-negara peserta secara multilateral. Tambahan pula, hospitaliti negara penganjur bertaraf lima bintang terhadap negara peserta menyentuh sanjayan mereka kerana berasa diapresiasi oleh tuan rumah.



Dalam era ~~pasca~~ pasca kemerdekaan yang semakin maju di era arus teknologi ini, ~~sukan~~ sukan bertaraf antarabangsa menjadi elemen penting dalam menilai keunggaban sesebuah negara. Sukan telah menjadi ~~per~~ aset penting bagi sesebuah negara terutamanya negara pengeluar. Sejarah sukan bermula apabila masyarakat Athens dan Sparta yang menganjurkan ~~su~~ Sukan Olimpik buat ~~mulut~~ kali pertamanya bagi menghormati Tuhan Zeus. Sukan Bola Sepak Dunia yang lepas di Afrika Selatan yang lepas telah membekalkan lebih kurang RM 40 bilion ~~disebab~~ kepada negara tersebut ~~di~~ disebabkan oleh kedatangan pelancong-pelancong ~~ke~~ dari negara lain yang begitu berminat terhadap sukan bola sepak. Adakah ~~ada~~ ~~sejak~~ peningkatan ekonomi bak cerekuan tumbuh selepas hujan ~~tebat~~ di Afrika Selatan tersebut telah membuktikan betapa pentingnya banyak kebaikan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kepada negara pengeluar. Adakah ~~ada~~ pihak kerajaan Malaysia mengetahui betapa pentingnya penganjuran sukan bertaraf antarabangsa? Terdapat pelbagai ~~kebaikan~~ kebaikan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kepada negara ~~pengeluar~~ pengeluar.

Pengolahan menarik dan berkesan. Calon menulis tentang sejarah penganjuran sukan bertaraf antarabangsa. Jawapan calon berkait penganjuran sukan dan kebaikannya kepada negara pengeluar. Penggunaan wacana yang lengkap. Pendahuluan sesuai dan menarik. Calon mempunyai pengetahuan tentang sejarah Sukan Olimpik dan dikaitkan dengan tugas. Pengolahan idea calon sesuai dengan idea yang dikemukakan. Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea.

Seterusnya, dapat melahirkan lebih ramai atlet-atlet yang berpotensi dan yang mempunyai bakat-bakat tersembunyi. Bertitik tolak daripada itu, negara pengeluar bukan sahaja <sup>tidak</sup> ketanduran atlet molahan dapat menjadikan atlet-atlet negara sebagai setaraf dengan bintang-atlet-atlet dunia antarabangsa yang lain. Contohnya atlet-atlet Malaysia yang telah mengharumkan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa adalah seperti Lee Chong Wei bagi sukan badminton, Nicol Ann David bagi sukan squash, Safee Sali bagi sukan bola sepak. Telulah bahawa, Malaysia juga mempunyai atlet-atlet yang setaraf dengan negara lain.

Keseluruhan jawapan calon dalam peringkat ini masih dapat menjawab tugas dengan baik. Idea-idea yang diberikan masih relevan dan huraian isi masih berkembang. Selain itu, contoh yang dikemukakan masih sesuai.

Antara kebaitannya ialah dapat meningkatkan ekonomi negara pengeluar. Ini kerana, ramai pelancong asing akan datang ke negara tersebut untuk menyaksikan sukan. Justeru itu, ekonomi negara pengeluar pun akan meningkat. Ekonomi negara pengeluar akan menjadi lebih stabil dan kukuh. Para pelancong yang pergi ke negara pengeluar untuk menyaksikan sukan mesti tidak ketinggalan untuk membeli-belah sebagai satu kenangan. Ini menyebabkan ekonomi negara pengeluar <sup>meningkat</sup> ~~meningkatkan~~.

Kebanyakan jawapan calon dalam peringkat ini mempunyai idea tetapi masih melakukan kesalahan bahasa yang minimum.

Di samping itu, sukatan berkecuali antara bangsa ini dapat mengembangkan bakat baru seseorang individu kerana mempunyai pendidikan secara meluas. Ini akan memberikan kebaikan kepada sesebuah negara kerana dapat mengerai parti bakat seseorang individu dengan lebih terperinci dan dapat mengarah bakat mereka supaya lebih terserlah. Antara contohnya yang terdapat di negara kita ialah Datuk Lee Chong Wei dan Datuk Nicol David yang merupakan pemain No. 1 dunia. Sebelum ini mereka tidaklah terkenal apabila bakat mereka di asah dan pendidikan<sup>pendidikan</sup> peningkatan antara bangsa mereka semakin terserlah dan digaruni oleh negara-negara lain.

Kesilapan calon ialah keseluruhan jawapan pada peringkat ini tidak dapat menghuraikan idea dengan jelas dan tepat. Antara faktor disebabkan oleh bahasa yang tidak gramatis. Calon gagal membina ayat yang gramatis dan kosa kata yang digunakan adalah terhad. Selain itu, calon menggunakan struktur ayat yang mudah atau ayat lisan.

Antara kebaikan pengajaran sukan ialah mereka dapat mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti sukan yang berfaedah. Hal ini demikian kerana ~~orang~~ sesiapa yang melibatkan diri dalam aktiviti sukan dapat mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan terlibat dalam gejala negatif

Selain itu, sukan juga dapat mewujudkan budaya dengan mementingkan kesihatan dalam kalangan masyarakat. Melalui aktiviti sukan, sesiapa yang diminati akan menyebabkan badan sihat dan cergas.

Jawapan calon pada peringkat ini tidak menjawab tugas atau tidak memahami konsep penganjuran sukan bertaraf antarabangsa. Idea yang dikemukakan bercampur aduk. Huraian isi kurang atau tidak jelas iaitu tidak menepati tugas yang diberi. Terdapat calon yang tidak menghuraikan isi yang dikemukakan. Malah contoh yang diberikan juga tidak sesuai.

Antara idea yang tidak relevan dan tidak menjawab tugas ialah kebaikan bersukan sahaja (budaya menjaga kesihatan, mengisi masa lapang), dan usaha-usaha untuk menganjurkan sukan.

Di samping itu, sukan bertaraf antarabangsa baik untuk orang-orang lemah dan tidak sihat. Untuk menyihatkan dan baik masyarakat perlulah menolong orang-orang lemah. Bersukan ini boleh membawa pelbagai kebaikan untuk negara dan ~~boleh~~ <sup>dapat</sup> saling-menghormati, tolong-menolong dan bergaul-mual. Contohnya dapat silaturrahim antara masyarakat-masyarakat di negara kita. Tugasnya masyarakat masyarakat di negara kita perlulah saling bantu-membantu tidak kita tua ataupun muda.

Calon yang lemah dalam penulisan melakukan beberapa kesalahan tatabahasa yang ketara dari segi morfologi mahupun sintaksis. Keseluruhan hasil penulisan menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. Di samping itu, penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. Calon juga gagal mengolah isi karangan dengan baik.

### Soalan 5

**Anda ingin menulis sebuah cerita yang bertemakan penghargaan terhadap jasa guru untuk dimuatkan dalam majalah sekolah.**

**Tulis cerita tersebut selengkapnya.**

Guru merupakan insan mulia yang telah mendidik kita supaya menjadi orang yang berguna. Mereka juga merupakan orang-orang yang sangat berjasa kepada negara dan bangsa. Pelbagai pengorbanan yang telah dilakukan demi melahirkan generasi cemerlang untuk menaikkan nama negara. Tempat seorang guru adalah sangat tinggi di sisi masyarakat, dan juga di sisi Allah yang maha kuasa.

Di sini terdapat sebuah cerita yang ingin saya kongsi bersama rakan-rakan. Kisah seorang pelajar yang sangat menyanjung gurunya. Saiful Anwar merupakan seorang doktor yang berjaya, namun beliau ~~tidak~~ tidak pernah melupakan jasa guru-guru yang telah mendidiknya. Kini, dia merupakan seorang guru yang cemerlang. Pasti ada yang tertanya-tanya, mengapa kini dia merupakan seorang guru bukan?

- Permulaan cerita

Semasa sambutan hari guru diadakan, Saiful telah ke sekolahnya untuk sama-sama meraikan sambutan yang diadakan. Sejumlah wang diperuntukkan untuk membeli hadiah dan cenderahati buat semua guru. Masa kian berlalu, saban tahun Saiful melakukan perkara yang sama. Tiada sekelumit rasa bosan dalam dirinya. Sebaliknya itu menjadi rutin tahunannya. Kegembiraan guru-guru membuat Saiful semakin bahagia. Perkhidmatan kesihatan percuma diberikan kepada guru-gurunya sebagai tanda terima kasihnya kepada guru-guru. Walaupun beliau tahu ini tidak seberapa dengan pengorbanan gurunya, beliau tetap berusaha untuk memberikan yang terbaik.

- Perkembangan cerita

Tanpa diduga, suatu hari seorang lelaki tua telah dikejarkan ke hospital kerana penyakit yang dihidapinya semakin kronik. Saiful sangat terkejut kerana lelaki itu adalah gurunya yang sangat beliau sayang. Menitis air matanya melihat keadaan gurunya yang semakin tidak berdaya. Wajahnya telah dimamah usia, dahulunya beliau guru itulah yang sentiasa berkorban untuknya. Kini tiba masanya beliau membalas jasa gurunya itu.

- Klimaks:

Hal ini untuk merealisasikan impian Cikgu Bakar untuk memiliki sebuah pusat tuisyen. Beliau harap usahanya ini mampu untuk membalas jasa Cikgu Bakar yang tidak terhingga. Baginya Cikgu Bakar bukan sahaja seorang guru malah seorang bapa yang berjaya. Berjaya mendidiknya menjadi seorang insan berguna kepada negara dan bangsa.

- Peleraian:

Calon menjawab tugas dengan tepat. Calon dapat menulis sebuah cerita berdasarkan tema yang dikemukakan iaitu penghargaan terhadap jasa guru dengan menarik dan berkesan. Di samping itu, idea (cerita) disampaikan dengan jelas dan disertakan dengan peristiwa yang menarik dan berkesan.

Angin petang bertiup ke timur menggugurkan daun kekuningan menjerakkan manusia yang berada dalam kepenatan. Petang itu Ahmad merenung jauh ke sawah padi yang bergoyang sana dan bergoyang sini. Ahmad adalah pelajar sekolah menengah pedalaman. Dia adalah seorang yang baik hati dan bijak dalam pelajaran. Tetapi, kebelaakangan ini Ahmad selalu tidak hadir dalam kelas. Perkara ini sangat merisaukan cikgu Rani. Cikgu Rani adalah guru kelas Ahmad.

- Permulaan cerita

Cikgu Rani juga membawa nenek Ahmad ke hospital untuk merawat demamnya. Selepas menyelesaikan masalah yang dihadapi Ahmad, Cikgu Rani menyuruh Ahmad fokus dalam pelajaran kerana tidak lama lagi Ahmad akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Beliau juga menasihati Ahmad supaya belajar rajin-rajin untuk mengubah hidup yang dihadapi oleh Ahmad sekarang. Cikgu Rani juga membagi tahu bahawa dengan pelajaranlah kamu akan berubah menjadi Ahmad yang baru dan lebih maju.

Atas pengorbanan dan tunjuk ajar daripada Cikgu Rani menyebabkan Ahmad sekarang menjadi Doktor Ahmad yang pakar dalam bembedahan. Sekarang Cikgu Rani sudah penceh dan bersara. Beliau sangat bangga dengan kejayaan-kejayaan murid-muridnya. Semua murid-murid Cikgu Rani selalu mengunjunginya dirumahnya. Ahmad sangat bersyukur dan berterima kasih kepada gurunya. Walaupun sekarang Ahmad adalah seorang Doktor Ahmad tetapi dia tidak pernah lupa jasa gurunya kepadanya. Apabila cikgu Rani sakit demam Ahmadlah yang akan merawat cikgunya. Walaupun Ahmad sudah berumah tangga tetapi dia selalu memba anak-anaknya dan keluarganya berjumpa dengan Cikgu Rani. Cikgu Rani sangat bangga dengan penghormatan dan ketaatan muridnya yang memberi kepadanya yang tidak pernah berbelah bahagi.

- Perkembangan cerita:

melihat langit yang syahdu dan udara yang redup ini pergilah insan yang banyak berjasa dalam hidup Ahmad. Hari itu hospital dipenuhi murid-murid Cikgu Rani yang bersama-sama mengambil cuti untuk melawat cikgu Rani yang sakit terhat di hospital. Dan pada hari itu juga cikgu Rani kembali kerahmatullah. walaupun cikgu Rani kembali kerahmatullah tetapi murid-muridnya bersatu hati menyebut "guru oh guru jasadmu akan aku kenang sampai mati".

- Klimaks

Inilah penghargaan terhadap guru walaupun telah meninggal segala-galanya tetapi jasanya masih segar dalam memori seorang pelajarnya salah seorang di antara mereka menyebutnya. Tamat.

- Peleraian

Calon masih dapat menjawab tugas berdasarkan tema yang dikemukakan. Idea (cerita) yang disampaikan masih jelas dan disertakan dengan peristiwa yang masih menarik.

Dalam peribahasa bahasa Cina pukul dan marah adalah  
 satu perkara yang sayang. Sekolah merupakan seperti rumah,  
 kawan atau murid adalah abang adik. Cikgu seperti ibu bapa kita.  
 Ini adalah orang Cina selalu katakan Cikgu merupakan ibu bapa di sekolah  
 mereka juga kita dan beritahukan kita tentang perkara yang kita tidak  
 faham. Kita seperti penumpang bas yang kita selalu nampak, sudah <sup>tempat yang kita</sup> sampai  
 sampai masa kita turun tapi kita tidak ucapkan terima kasih atau terharu  
 terhadap pemandu bas yang letih itu. Seperti kita sudah  
 tingkatan 5 habis pelajaran dalam sekolah tapi masih bercikan  
 cikgu. Kita mesti ingat dari mana <sup>cikgu</sup> orang yang gunakan nyawa mereka  
 untuk mengajarkan kita kehidupan ~~perkara~~ kita jadikan orang yang baik  
 dan sebenar.

Kelemahan dan kesilapan calon ialah calon pada peringkat ini lebih fokus kepada menceritakan pengorbanan guru untuk kejayaan murid berbanding dengan penghargaan terhadap jasa guru. Selain itu, ada juga prestasi jawapan calon yang tidak menulis dalam bentuk cerita sebaliknya menulis karangan berbentuk keperihalhan.

Adakah anda akan menghargai orang yang ~~anda~~<sup>selalu</sup> ~~untuk~~ mengorbankan sesuatu yang dirinya untuk masa depan yang kita ~~walaupun~~<sup>Selain itu</sup>, mereka tidak ~~ber~~ bersaudara dengan kita, tapi mereka masih sudi mengorbankan masa<sup>diri</sup> mereka untuk menyupai<sup>nasib</sup> ~~seorang~~ budak-budak atau remaja-remaja ~~untuk~~ ~~me~~. Iaitu cikgu. Seorang yang Cikgu Cikgu, satu perkataan yang biasa didengarkan. Walaupun mereka selalu marahkan kita atau merotankan kita, sebenarnya perbuatan mereka adalah untuk memberitahukan kita ~~semua~~ perkara yang kita buat adalah salah atau <sup>mereka</sup> membetulkan kita. dalam ~~hidupan~~ yang susah ~~da~~ Tapi kita selalu salah faham dengan cikgu dengan apa yang cikgu buat, jadi kita selalu ~~rasa~~<sup>rasa</sup> cikgu adalah seorang yang jahat dan ~~ipa~~ juga dan juga selalu dibencikan kita.

Tapi bukan semua pelajar bencikan cikgu dalam sekolah, ada yang suka berkawan tahu apa yang cikgu <sup>selalu</sup> susah dalam mengajarkan kita. ~~Harap~~ Kalau anda sudah ba ~~Jasa yang~~ ~~Jasa~~ guru digantikan tidak dapat digantikan oleh ~~tan~~ sesiapa. Jadi kita perlulah hargai setiap masa bersama dengan cikgu dan mendengar nasihat cikgu.

Calon pada peringkat ini tidak mampu menggunakan laras bahasa sastera dalam penulisannya. Calon hanya menulis dalam bentuk huraian seperti penulisan karangan yang biasa. Kesannya, pengolahan cerita tidak menarik.

Penghargaan guru terhadap sekolah amat penting kepada negara kerana guru adalah pembimbing kita semua untuk masa hadapan kelak. Guru adalah tenaga pengajar yang berusaha gigih demi anak bangsa. Kita mestilah mendengar kata-kata guru. Selain itu, guru juga menjadi inspirasi kepada kita kerana ia dapat membantu dan menjadi idola bagi kita. Guru walaupun melihat kita tidak mendengar arahan yang diberikan tetapi guru adalah seorang yang tabah dan bijak. Ia juga mampu mengubah apa sahaja menjadi benar.

Terdapat dua elemen iaitu calon tidak menjawab tugas dan calon menulis dalam bentuk karangan biasa .

Perjuanganmu guru, kami akan ingat sampai akhir hayat kami, guru-guru tiada guru yang tak sayang anak muridnya, terima kasih guru, kerana ajar kami pada tadika dan waktu sekarang, hingga kami nak habis sekolah, kami bersyukur pada tuhan kerana melahirkan guru-guru yang inovasi yang mewartakkan negara. Guru-guru tanpamu guru, kami semua semua tidak tahu arti dunia dan arti apama.

Calon menulis cerita yang sukar difahami disebabkan calon tidak mempunyai kemahiran berbahasa yang baik.

Dalam kehidupan model dewasa ini, guru adalah kedua ~~tepa~~ penting di kehidupan seharian kita. Dalam kehidupan seharian, ibu bapa ialah watak yang paling penting kepada kita dan guru ialah watak kedua yang penting. Guru, adalah macam ibu bapa ~~ke~~ kedua kita, jasa guru tidak boleh bertanding dengan ibu bapa kita tetapi pun banyak jasa dengan kita.

Tidak memenuhi kriteria sebagai sebuah cerita dan olahan cerita yang tidak menarik. Dari segi bahasa keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis.

Sejak daripada itu, Ibu Alot jatuh sakit. Alot menyesali akan semua perbuatannya itu. Dia rajin ke sekolah dan dia meminta maaf kepada semua cikgu-cikgu dan rakan-rakannya di sekolah. Alot mula ~~malas~~ belajar bersungguh-sungguh. Dia melakukan semua kerja sekolah yang diberikan. Apabila menjelang peperiksaan, dia akan mengulang kaji. Pada peperiksaan Akhir Tahun, Alot mendapat keputusan yang cemerlang. Semua cikgu-cikgu berbangga dengannya. Sejak daripada itu, dia berjanji akan mendengar kata-kata cikgu dan mengikut semua nasihat cikgu. Dia belajar bersungguh-sungguh supaya satu hari nanti dia dapat mengubah nasib keluarganya.

Calon menulis cerita tetapi tidak menjawab tugas bertemakan penghargaan terhadap jasa guru. Sebaliknya, calon menulis kisah seorang murid miskin yang belajar selepas ibunya jatuh sakit, sedangkan sebelum ini murid itu selalu malas belajar dan tidak mendengar nasihat gurunya. Tiada ayat yang menggambarkan penghargaan terhadap jasa guru.

## **SARANAN KEPADA CALON**

1. Calon perlu banyak membaca bahan-bahan seperti majalah, akhbar, jurnal untuk menambahkan pengetahuan, mematangkan fikiran, dapat mengikut perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
2. Calon hendaklah peka terhadap isu-isu semasa agar setiap fakta yang disampaikan tepat dan bukan telahan sahaja.
3. Calon mestilah rajin membaca majalah-majalah ilmiah dan akhbar-akhbar harian dan mingguan serta mendengar atau menonton perbincangan-perbincangan ilmiah, debat pusat-pusat pengajian tinggi dan sekolah- sekolah berasrama penuh melalui media elektronik. Hal ini membolehkan calon mengikuti isu-isu semasa dan dapat melahirkan idea-idea yang bernas dan matang.
4. Apabila menghuraikan sesuatu peristiwa, huraian perlulah diperkukuh dengan contoh-contoh yang relevan dengan tajuk yang diberi. Calon digalakkan menulis pendapat tokoh-tokoh ilmunan seperti Hamka, Abraham Lincoln, Ibnu Sina dan ramai lagi negarawan atau membuat analogi bagi memantapkan isi yang hendak disampaikan.
5. Calon perlu membuat lebih banyak latihan tatabahasa, umpamanya latihan membina ayat, penggunaan imbuhan dan pemilihan kosa kata yang tepat.
6. Calon-calon hendaklah sentiasa berlatih untuk membina perenggan deduktif, induktif serta perenggan gabungan kedua-duanya.
7. Calon mestilah rajin merujuk kamus dan kamus yang dicadangkan ialah Kamus Dewan untuk menambahkan pengetahuan tentang makna kata.
8. Calon hendaklah selalu membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan dapat menyampaikan buah fikiran dengan ayat yang gramatis dan pengolahan yang menarik.
9. Sebelum menjawab soalan, calon perlu membaca setiap soalan, kemudian membuat pilihan soalan yang hendak dijawab, menganalisis kehendak soalan, membina rangka karangan dan seterusnya menulis karangan yang dipilih.
10. Setiap isi utama mestilah dikembangkan atau dihuraikan dengan jelas disertakan dengan contoh-contoh yang sesuai.
11. Elakkan daripada menggunakan perkataan atau istilah yang bombastik.
12. Penggunaan penanda wacana memang berkesan untuk menjamin kesinambungan karangan tetapi pilihannya hendaklah tepat digunakan pada tempat yang sesuai untuk menghasilkan karangan yang benar-benar jitu dan tepat.

13. Jika ingin memasukkan unsur sastera seperti pantun, peribahasa atau perumpamaan pastikan anda benar-benar arif tentang unsur-unsur sastera berkenaan sama ada daripada segi maknanya mahupun penggunaan atau penulisannya.
14. Pastikan peruntukan masa yang wajar untuk menyemak semula karangan yang telah dihasilkan agar dapat mengurangkan atau mengelakkan sebarang kesilapan dalam aspek bahasa, ejaan dan kesalahan-kesalahan lain yang memungkinkan markah karangan terpaksa dipotong.

## **SARANAN KEPADA GURU**

1. Guru perlu membaca pelbagai bahan untuk meningkatkan pengetahuan, fakta dan maklumat yang sesuai dengan perkembangan semasa.
2. Guru perlu memantapkan asas penulisan karangan kepada murid sejak di peringkat menengah rendah lagi agar murid memahami cara merangka karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
3. Guru perlu membincangkan pelbagai isu semasa dengan pelajar semasa pengajaran agar pelajar dapat mengemukakan isi-isi yang matang dalam karangan.
4. Teknik penulisan karangan secara stilistik perlu didedahkan kepada pelajar terutama karangan yang berbentuk cerpen agar mereka dapat menulis karangan jenis ini dengan lebih menarik.
5. Kursus pemeriksaan kertas Bahasa Melayu perlu didedahkan kepada guru yang masih baharu agar mereka memahami cara pemeriksaan kertas Bahasa Melayu untuk membantu murid di sekolah masing-masing.
6. Kursus kemahiran tatabahasa perlu didedahkan kepada guru secara lebih kerap agar penguasaan bahasa mereka sentiasa mantap.
7. Guru perlu sentiasa merujuk buku Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu. Sebagai contoh, pada masa ini dengan kemajuan teknologi ICT, guru boleh menggunakan kamus elektronik bersaiz telapak tangan keluaran Besta serta Eleksis yang mudah dibawa dan digunakan di mana-mana sahaja.
8. Guru perlu mengenal pasti kumpulan murid yang lemah dalam penguasaan bahasa untuk mengadakan bengkel penulisan kepada murid berkenaan.
9. Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran yang menarik dan berkesan serta penggunaan media ICT untuk menarik minat pelajar.
10. Guru cemerlang Bahasa Melayu hendaklah sentiasa membantu dan berkongsi kepakaran dengan guru-guru lain di peringkat zon atau daerah bagi meningkatkan lagi mutu penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan guru serta murid.
11. Bahan pengajaran mestilah dipelbagaikan untuk menarik minat murid terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu.
12. Murid mestilah dilatih mengarang pelbagai bentuk karangan yang berformat dan tidak berformat.
13. Guru hendaklah memberikan latihan karangan yang secukupnya kepada murid supaya mereka dapat menguasai pelbagai bidang dalam penulisan.

14. Murid perlu dilatih untuk mengesan kelemahan dan kekuatan sendiri dalam aspek penulisan karangan. Contohnya, murid yang berkemahiran dalam bidang pidato atau syarahan seboleh-bolehnya menjawab soalan yang ada kaitan dengan kebolehannya.
15. Latihan kepada murid mestilah dirancang secara sistematik agar murid menguasai teknik penulisan karangan dengan betul. Oleh sebab itu adalah lebih baik jika guru yang mengajarkan Bahasa Melayu tingkatan empat diberi peluang mengajar murid yang sama apabila murid itu berada dalam tingkatan lima.
16. Sebaik-baiknya guru sendiri mestilah mengetahui dan menguasai skema pemarkahan merangkumi aspek takrif, isi, bahasa dan pengolahan agar pengajaran guru lebih berfokus.
17. Dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan guru perlu mengenal pasti potensi setiap murid agar mereka dapat dibimbing berdasarkan potensi masing-masing untuk menghasilkan karangan yang baik.
18. Setiap latihan murid sama ada latihan tatabahasa atau karangan mestilah disemak dengan teliti dan sistematik. Murid hendaklah dimestikan membuat pembetulan agar mereka belajar daripada kesilapan dan dapat meminimumkan kesalahan.